

D883

U B328 DEB

MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PASUKAN POLIS BERTANGGUNGJAWAB MENENTUKAN HUBUNGANNYA DENGAN MASYARAKAT SENTIASA BERKEADAAN BAIK BAGI MEMBOLEHKANNYA MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN LICIN DAN MEMUASKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, MASYARAKAT AKAN BERSIMPATI DAN BEKERJASAMA DENGAN POLIS YANG BERUSAHA MENENTANG MUSUH-MUSUH NEGARA.

INI JUGA AKAN MENJADIKAN MASYARAKAT LEBIH SANGGUP MEMBANTU POLIS DENGAN MEMBERIKAN MAKLUMAT MENGENAI SESUATU KEJADIAN JIKA MEREKA MENGHADAPI KERUMITAN, KATANYA PADA PERBARISAN HARI POLIS DI PUSAT LATIHAN POLIS DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA MASYARAKAT MALAYSIA HARI INI MASYARAKAT YANG ADIL DAN PROGRESIF YANG DIBENTUK DAN DICIPTA BERASASKAN RUKUNEGARA.

OLEH ITU, UNTUK MENJAYAKAN DAN MENERUSKAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG ADIL AND PROGRESIF INI, SETIAP JENTERA KERAJAAN TERMASUK PASUKAN POLIS MESTILAH MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING, KATA BELIAU. -- LAGI.
1212MST 29 03 86

D884

U B329 DEB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+MASYARAKAT YANG ADIL DAN PROGRESIF MEMERLUKAN SATU PASUKAN POLIS YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENGUATKUASAKAN DAN MENGENDALIKAN UNDANG-UNDANG NEGARA DENGAN ADIL, TERATUR DAN SEMPURNA,+ TEGASNYA.

PANDANGAN MASYARAKAT ATAU PENDAPAT UMUM TERHADAP PASUKAN POLIS PENTING, KATANYA SAMBIL MENGGESA SETIAP ANGGOTA POLIS MENITIKBERATKAN TEMA PERAYAAN HARI POLIS TAHUN INI + PROFESIONALISME TERAS PERKHIDMATAN POLIS+.

BELIAU BERKATA DISIPLIN YANG TINGGI AKAN MENJADIKAN PASUKAN POLIS DIHORMATI DAN DISANJUNG TINGGI OLEH MASYARAKAT SERTA MENYAKINKAN MASYARAKAT KEPADA TUGAS MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA YAKIN SETIAP ANGGOTA POLIS AKAN MENDAPAT SAMBUTAN POSITIF DARIPADA MASYARAKAT DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN MEREKA. -- LAGI
1213MST 29 03 86

D886

U B331 DEB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+ YANG PENTING, MALAYSIA DAPAT MENIKMATI KESTABILAN, KESELAMATAN DAN KEAMANAN. HANYA DALAM SUASANA INI, NEGARA DAPAT MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL YANG AKAN JUGA DINIKMATI OLEH KELUARGA POLIS,+ KATANYA.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBALAS TABIK HORMAT DAN MEMERIKSA PERBARISAN OLEH 1,800 ANGGOTA PELBAGAI CAWANGAN PASUKAN POLIS YANG DIKETUAI OLEH PEMANGKU PENGUSAHA POLIS ISHAK ABDUL KADIR.

YANG TURUT HADIR IALAH TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK RADZI SHEIKH AHMAD, KETUA POLIS NEGARA TAN SRI MOHD HANIFF OMAR DAN TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA DATUK MAHMOOD HAJI NASIR SERTA ISTERI MASING-MASING.

DALAM UPACARA DI DEWAN PENGAMAN SELEPAS TAMAT PERBARISAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMPAIKAN SURAT PENGHARGAAN KEPADA 11 ANGGOTA POLIS, TERMASUK EMPAT ORANG YANG TERKORBAN, KERANA SIFAT TERPUJI, KESETIAAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG DIAMANAHKAN DALAM PERISTIWA MEMALI PADA 19 NOV TAHUN LEPAS. -- LAGI.
1216MST 29 03 86

0888

U B332 DEB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

MEREKA IALAH INSP JOHARI YAHYA, SGT WAN MOHD WAN ISMAIL, SGT MOHD MASKOR MURADI, SGT NAZARUDDIN MOHD ZAIN, KOP MOHD NOR YUNUS, KOP HAMZAH RASUL DAN KOP MOHD RASHID ISMAIL.

MEREKA YANG TERKORBAN IALAH INSP AZMI HAMZAH, SGT ABDUL RAHMAN MOHD NOOR, KONS SULI OTHMAN DAN KONS JAAFAR SAIN.

SURAT-SURAT PENGHARGAAN DITERIMA OLEH BALU MASING-MASING IAITU PUAN ESOM KAMARIAH MAHMUD, WAN ESAH SAIDIN, PUAN SALINA ABDULLAH DAN PUAN HAZIZAH ABDUL SHAH. -- BERNAMA.

1218MST 29 03 86